# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 6 JULAI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | SALUR RM 4.1 JUTA BANTU PETANI, NEGERI,SH-23<br>REVOLUSI KEJURUTERAAN PERTANIAN KE ARAH 4IR, HARAKAH DAILY-ONLINE | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 3.<br>4. | KORBAN 38,265 LEMBU, KERBAU,LOKAL,HM-10<br>37 EKOR ANJING LIAR DITANGKAP DI TUMPAT, UTUSAN.COM-ONLINE | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8. | PELAKSANAAN INSURANS AGROMAKANAN PERINGKAT AKHIR, NEGARA,KOSMO-5<br>SKIM INSURANS AGROMAKANAN SEDANG DIMUKTAMADKAN, NASIONAL,SH-18<br>AGROFOOD INSURANS SCHEME IN FINAL STAGES, SAYS KIANDEE, NST-ONLINE<br>SKIM INSURANS TAKAFUL AGROMAKANAN AKAN DILANCARKAN MASA TERDEKAT, BH-ONLINE | AGROBANK |
| 9. | TIADA KEGIATAN JUAL IKAN DI TENGAH LAUT PERAIRAN TERENGGANU, UTUSAN.COM-ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20.<br>21.<br>22.<br>23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27. | TAK JEJAS WALAUPUN CECAH RM7K SEEKOR, LOKAL,HM-10<br>PERMIT KHAS BENARKAN GUNA TANAH PERTANIAN, NEGERI,SH-23<br>KLINIK HAIWAN BERGERAK,BERI PERKHIDMATAN PERCUMA, KUBELA,HM-31&32<br>PENIAGA AYAM AKUR HARGA SILING DITETAP KERAJAAN, NASIONAL,BH-14<br>PENIAGA AYAM PATUH JUAL AYAM RM9.40 SEKILO, LOKAL,HM-12<br>LEMBU "GEMUK" KORBAN TAK LAKU, NEGARA,KOSMO-16<br>TUPAI HITAM TANDINGI MUSANG KING, NEGARA,KOSMO-7<br>BELI PATIN BUAH RM 1,245 SEEKOR, NEGARA,KOSMO-7<br>DEDAK MAHAL, PENTENAK PUYUH TURUT TERKESAN, DALAM NEGERI, UM-31<br>TAK SABAR MENANTI KEMERIAHAN AIDILADHA, DALAM NEGERI,UM-32<br>LEMBU GEMUK KURANG SAMBUTAN, DALAM NEGERI,UM-32<br>TAKUT - TAKUT TANAM TERUNG AKHIRNYA JADI PETANI MODEN, DALAM NEGERI,UM-29<br>142 BOT NELAYAN ASING DIJADIKAN TUKUN TIRUAN, NEGERI,SH-29<br>19 SET BUBU NAGA HARAM DIRAMPAS, NEGERI,SH-26<br>KIBAS PESARA POLIS "LAKU KERAS" MENJELANG AIDILADHA, GAYA TANI, UM-24<br>KIBAS ALTERNATIF IBADAH KORBAN, GAYA TANI, UM -24<br>CULTIVATING SELF-SUFFICIENCY IN FOOD, LETTERS, THE STAR-13<br>MALAYSIA PERTIMBANG DAPATKAN SUMBER GANDUM DARI TUKIYE-PM, HM-ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 23 |

# Salur RM4.1 juta bantu petani

**JASIN** - Kerajaan negeri menerusi Jabatan Pertanian memperuntukkan RM4.1 juta pada tahun ini bagi bantuan input pertanian kepada petani di seluruh Melaka.

Menurut Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman, bantuan itu disalurkan kepada 383 usahawan tani berdaftar dengan jabatan itu yang mengusahakan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran.

"Ia meliputi peralatan seperti jentera kecil dan input pertanian lain termasuk baja 12:12:1, baja 16:16:16, baja organik, racun kulat dan racun rumpai.

"Bantuan ini diberi dalam usaha menggalakkan lebih ramai masyarakat berminat menceburi bidang pertanian di samping meningkatkan pengeluaran hasil yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di negeri ini," katanya kepada pemberita di sini pada Selasa.

Terdahulu beliau menyempurnakan Program Penyerahan Input peringkat Daerah Jasin kepada 177 usahawan tani yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Pertanian negeri Lim Kian Chai.

Abdul Razak berkata kerajaan melalui Jabatan Pertanian juga memperkenalkan beberapa program bantuan lain dengan tujuan mengurangkan beban petani, selain melahirkan lebih ramai usahawan dan pelapis muda menceburi bidang pertanian.- *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARAKAH DAILY | ONLINE | |

# REVOLUSI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PERTANIAN KE ARAH 4IR

July 5, 2022




KEMAJUAN Teknologi dan Kejuruteraan dalam Pertanian dan Industri Makanan amat penting dalam terus memodenkan sektor agromakanan negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Hari ini, saya merasmikan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022, kali ini bertemakan 'Revolusi Teknologi Kejuruteraan Pertanian ke arah 4IR'.

Simposium seumpama ini merupakan antara usaha berterusan MAFI melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) yang menemukan pelbagai jabatan dan agensi bersama pemain-pemain industri termasuk pihak swasta.

Saya tegaskan, antaranya mengenai peri pentingnya adaptasi penggunaan dan pemindahan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dalam sektor agromakanan melalui pemodenan dan pertanian pintar untuk terus meningkatkan produktiviti hasil pertanian lantas memperkukuhkan lagi Sekuriti Makanan Negara.

MAFI mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat pembekal teknologi untuk turut menyumbang kepakaran dalam usaha mentransformasikan sektor agromakanan negara termasuk bidang kajian penyelidikan (R&D) serta pembangunan teknologi yang kini sedang giat dijalankan, bukan sahaja oleh agensi penyelidikan kerajaan, namun turut melibatkan inisiatif pihak swasta termasuk pemain industri dan pembekal teknologi.

Dalam majlis yang sama, saya juga telah melancarkan Penerbitan Buku 'Kompilasi Inovasi Bahagian Kejuruteraan Pertanian 2016–2020' yang mengumpul kesemua produk inovasi kejuruteraan pertanian dari tahun 2016 hingga 2020 yang telah direkacipta oleh pegawai dan kakitangan DOA khususnya dari Bahagian Kejuruteraan Pertanian.

Buku ini menyediakan maklumat keterangan ringkas projek inovasi, kelebihan produk, spesifikasi dan kos inovasi yang telah dihasilkan pada tahun berkenaan termasuk berkaitan jentera, mesin dan peralatan yang telah direkacipta oleh 96 orang perekacipta dari Bahagian Kejuruteraan Pertanian, DOA.

DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
Menteri Pertanian dan Industri Makanan – HARAKAHDAILY 5/7/2022

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Korban 38,265 lembu, kerbau

***Anggaran JPV terhadap jumlah permintaan ternakan untuk penyembelihan pada Aidiladha ini***

**Oleh Amir Abd Hamid**
amir_hamid@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menganggarkan jumlah permintaan lembu dan kerbau untuk dikorbankan pada Aidiladha ini adalah 38,265 ekor.

Menurutnya, berdasarkan statistik JPV, stok bekalan lembu dan kerbau tempatan bagi penyembelihan pada hari raya itu sehingga Mei lalu adalah 34,044 ekor.

"Bekalan lembu dan kerbau yang diimport pula sehingga Mei lalu adalah 852 ekor.

"Jumlah keseluruhan bekalan untuk lembu dan kerbau bagi tujuan korban adalah 34,896 ekor.

"Selepas mengambil kira keperluan masjid, surau serta rumah sembelih, dianggarkan permintaan lembu dan kerbau untuk korban adalah 38,265 ekor.

"Kekurangan 3,300 ekor bagi menampung keperluan tujuan korban tahun ini dijangka akan diperoleh melalui import," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Menurutnya, antara faktor yang menyumbang kepada kekurangan haiwan berkenaan dalam negara ialah peningkatan kos pengeluaran global dan kejatuhan nilai ringgit menyebabkan pengimport mengurangkan jumlah ternakan yang diimport bagi tujuan korban.

Selain itu, katanya, peningkatan kos makanan ternakan tempatan turut menyebabkan pengeluaran ternakan terjejas.

"Faktor lain adalah wabak penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD) yang melanda Myanmar dan Thailand pada pertengahan tahun lalu menyebabkan Malaysia terpaksa menutup sempadan khusus untuk sekatan masuk haiwan berkenaan.

"Bagaimanapun, sempadan sudah dibuka semula dan sekatan juga sudah ditarik balik pada Mac lalu apabila kes itu dapat ditangani di negara berkenaan.

"Kebenaran kemasukan semula diberi dengan penambahbaikan syarat dan keperluan membawa masuk ternakan dari negara berkenaan," katanya.

Sementara itu, JPV berkata, mengikut Perangkaan Ternakan 2020/2021, populasi ternakan lembu dan kerbau negara adalah 763,674 ekor dan saban tahun terdapat sedikit peningkatan populasi berbanding tahun sebelumnya.

Namun, katanya, terdapat pengurangan yang signifikan bagi ternakan lembu dan kerbau yang diimport bagi tujuan sembelihan untuk tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Ini kerana ia dipengaruhi sekatan kebenaran membawa ternakan dari Thailand susulan penularan LSD.

Menurutnya, satu perbincangan teknikal khas antara Malaysia dan Thailand diadakan pada 24 Jun lalu bertujuan memudah cara prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand untuk tujuan penyembelihan korban.

"Persetujuan bersama dicapai dengan menambah baik prosedur teknikal pengimportan lembu hidup dari Thailand untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan korban di Malaysia.

"Ia sebagai penyediaan pilihan dalam perakuan bebas penyakit sumber import bagi memudah cara pengimportan lembu hidup dari negara itu untuk memenuhi keperluan bekalan penyembelihan ibadat korban di Malaysia.

"Ini termasuk tempoh kuarantin di Malaysia disingkatkan kepada tiga hari untuk tujuan korban," katanya.

Pada masa sama, katanya, selain Thailand, antara negara pengeksport lembu hidup ke Malaysia ialah Australia, New Zealand dan Brazil.

Menurutnya, Jawatankuasa Teknikal Menangani Isu Sekuriti Bekalan Makanan Negara akan terus memantau status bekalan makanan negara dan pelaksanaan tindakan susulan intervensi yang dirangka bagi menangani isu bekalan makanan, kenaikan harga bekalan makanan selain memperincikan inisiatif jangka pendek, sederhana serta panjang merentasi semua sub-sektor agromakanan.



**PENINGKATAN** kos makanan ternakan tempatan turut menyebabkan pengeluaran ternakan terjejas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN.COM | ONLINE | |

# 37 EKOR ANJING LIAR DITANGKAP DI TUMPAT

Oleh ROSLIZA MOHAMED
5 Julai 2022, 2:05 pm




PEGAWAI Penguatkuasa MDT menunjukkan anjing liar yang berjaya ditangkap menggunakan perangkap di sekitar daerah Tumpat, Kelantan. -IHSAN MDT

**TUMPAT** : Penduduk di sekitar jajahan ini yang berdepan dengan ancaman anjing liar menarik nafas lega apabila 37 ekor haiwan berkenaan berjaya ditangkap sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Setiausaha Majlis Daerah Tumpat (MDT) Mohd. Khairil Azmie Yusof berkata, operasi itu dilakukan berikutan jumlah aduan yang tinggi diterima daripada orang ramai.

"Kebanyakan aduan yang diterima, haiwan ini menyalak dan menyelongkar tong-tong dan tempat pembuangan sampah untuk mencari sisa makanan sekali gus menyebabkan kawasan sekitar menjadi kotor.

“Aduan yang diterima tidak tertumpu di kawasan perumahan sahaja malah turut di kawasan kampung,” katanya.

Mohd. Khairil memberitahu, tindakan menangkap anjing liar itu mendapat kerjasama daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Katanya, menerusi operasi itu MDT menggunakan kaedah pemasangan perangkap di kawasan dikenal pasti.

“Tindakan ini bertujuan memastikan penduduk jajahan ini dapat hidup dalam selesa dan selamat. Sepanjang tahun lalu 93 ekor anjing liar ditangkap dengan jumlah 48 aduan,” ujarnya.

Dalam masa sama Mohd. Khairil Azmie berkata, MDT meminta kerjasama pemilik anjing dapat melesenkan haiwan itu mengikut keperluan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing MDT 1989. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 5 |



RONALD (tengah) ketika melancarkan buku Kompilasi Inovasi 2016-2020 pada Majlis Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Hotel Palm Garden, Putrajaya semalam.

# Pelaksanaan insurans agromakanan peringkat akhir

**PUTRAJAYA** – Pelaksanaan skim insurans dan takaful agromakanan yang bakal memberi perlindungan kepada penggiat industri tersebut kini berada di peringkat akhir sebelum mekanisme itu dimuktamadkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, terdapat beberapa perkara dan syarat yang perlu diperincikan terlebih dahulu bersama agensi dan kementerian lain sebelum skim itu dilaksanakan.

Menurutnya, pihak Agrobank dipertanggungjawabkan menerajui aspirasi untuk mewujudkan skim itu dan sudah tentu pihaknya mahu ia dilancarkan secepat mungkin.

"Saya difahamkan (skim ini) dalam proses akhir kerana bukan sahaja melibatkan MAFI tetapi pelbagai agensi lain seperti Kementerian Kewangan dan Bank Negara," katanya selepas merasmikan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di sini semalam.

Katanya, kerajaan sebelum ini memperuntukkan dana yang besar sebagai pampasan kepada golongan petani yang berdepan dengan masalah.

"Kita membelanjakan lebih RM80 juta setahun untuk menampung kerugian petani susulan bencana alam, penyakit dan sebagainya," ujar beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Skim insurans agromakanan sedang dimuktamadkan

**PUTRAJAYA** - Pelaksanaan skim insurans dan takaful agromakanan kepada pesawah yang mengalami kemusnahan tanaman akibat bencana alam atau penyakit, kini di peringkat akhir untuk dimuktamadkan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, skim insurans dan takaful itu sedang diperincikan antaranya oleh Agrobank yang menerajui usaha membangunkan skim itu, Kementerian Kewangan dan Bank Negara termasuk perkara berkaitan kadar premium dan jenis perlindungan sebelum ia dilancarkan.



**Ronald (kanan) mengendalikan Remote Controlled Agriculture Sprayer (RCAS) dalam majlis perasmian Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Putrajaya pada Selasa.**

"Skim perlindungan ini akan bermula dengan penanaman padi dan akan diperluaskan kepada kumpulan pertanian dan tanaman lain," katanya selepas melancarkan Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di sini pada Selasa.

Ronald pada 10 Februari lepas mengumumkan mengenai skim insurans dan takaful agromakanan itu yang antaranya memberi perlindungan pendapatan kepada pesawah terjejas tanaman akibat bencana alam atau penyakit.

"Kita merupakan antara negara yang masih tidak ada skim insurans. Kita mahu melihat insurans pertanian dapat diwujudkan di negara ini," katanya yang menambah kerajaan membelanjakan lebih RM80 juta setahun untuk menampung kerugian dihadapi petani antaranya akibat bencana alam.

Mengenai persediaan sektor pertanian menghadapi musim kemarau, Ronald berkata, pihaknya akan mengambil beberapa langkah dan tindakan secara bersama dengan pelbagai kementerian bagi memastikan ia tidak menjejaskan sektor agromakanan negara.

"Kemarau dan banjir merupakan cabaran dihadapi sektor agromakanan dan satu cabaran berulang. Tentu sekali pelbagai langkah serta tindakan akan diambil oleh kementerian.

"Apabila berlaku kemarau contohnya, kita akan bekerjasama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia dan lain-lain untuk buat pembenihan awan dan sebagainya," katanya. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | NEW STRAITS TIMES | ONLINE | |

# AGROFOOD INSURANCE SCHEME IN FINAL STAGES, SAYS KIANDEE

By Nor Ain Mohamed Radhi - July 5, 2022 @ 2:35pm




Agriculture and Food Industries (Mafi) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (second from right) said the scheme, spearheaded by Agrobank, will be launched soon. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

**PUTRAJAYA:** The agro-food insurance and takaful scheme, which aims to protect industry players against losses, especially those involving natural disasters, are both in the final stages of completion.

Agriculture and Food Industries (Mafi) Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the scheme, spearheaded by Agrobank, will be launched soon.

"All agencies involved will need to scrutinise it first. We are confident that it will be concluded soon. Agrobank is actively working on the scheme.

"Apart from Mafi, among the agencies that are involved include the Finance Ministry, Bank Negara Malaysia and other relevant ministries.

Progressive Insurance paid RM6.1 million dividend to state government

"The scheme has strict conditions to ensure maximum benefits for the contributors," he told reporters after the launch of the Agriculture Engineering symposium here today.

Also present were Mafi secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid, deputy secretary-general (Policy) Azah Hanim Ahmad and Agriculture Department director-general Datuk Zahimi Hassan.

Kiandee said that for a start, the scheme would be offered to those involved in the country's rice sub-sector before being expanded to other sub-sectors.

The scheme, he said, was in line with the National Agrofood Policy, 2021-2030 (DAN 2.0) to boost the country's agro-food industry. The scheme was first announced in March last year.

Kiandee said Malaysia remains among the countries without crop insurance, unlike its neighbours such China, Indonesia, the Philippines and Vietnam.

Kiandee said the government had allocated RM80 million for the agricultural disaster fund.

"The government is spending a lot of money to compensate farmers for their losses."

Meanwhile, earlier in his speech, Kiandee said the symposium was held in line with the main thrusts of DAN 2.0, which emphasises the importance of adopting the technology of the Fourth Industrial Revolution (4IR) through modernisation and smart agriculture to increase the productivity of agricultural products.

He said agricultural engineering needs to be emphasised to remain relevant in the development of the country's agrofood sector through the adaptation of the latest technology, especially smart agricultural applications and 4IR technology.

"The use of modern technology, such as drones, sensors, robots, Internet of Things (IoT) and Precision Farming Technology, is an important element in agricultural engineering to increase the productivity of the national food system.

"Through smart agricultural technology, the food supply chain can be managed more easily and efficiently in addition to maximising production."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# SKIM INSURANS TAKAFUL AGROMAKANAN AKAN DILANCARKAN MASA TERDEKAT

Oleh Latifah Arifin - Julai 5, 2022 @ 3:28pm
latifah@bh.com.my



Ronald Kiandee ketika melawat gerai pameran selepas berucap merasmikan Majlis Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Putrajaya. - Foto NSTP Mohd Fadli Hamzah

**PUTRAJAYA**: Pelaksanaan skim insurans takaful membabitkan bidang agromakanan sedang dalam proses akhir dan dijangka dilancarkan secepat mungkin.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata projek rintis yang akan dimulakan dengan subsektor padi dan beras itu akan dimuktamadkan dalam kadar segera mengambil kira jumlah pampasan yang tinggi perlu dibelanjakan kerajaan setiap kali berlaku musibah.

"Kita (kerajaan) belanja lebih RM80 juta setahun untuk tampung kerugian dihadapi petani disebabkan bencana alam, penyakit dan sebagainya.

"Saya mahu (skim insurans pertanian) ini dilancarkan secepat mungkin, ia kini dalam proses akhir. Pihak Agrobank yang menerajui aspirasi untuk mewujudkan insurans pertanian ini sedang buat yang terbaik untuk mempercepatkan pelaksamaan skim berkenaan di negara ini," katanya.

Beliau ditemui pemberita pada Simposium Kejuruteraan Pertanian 2022 di Palm Garden Hotel, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Azah Hanim Ahmad dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan.

Ronald berkata, pelaksanaan skim itu mengambil masa untuk dimuktamadkan kerana ia bukan sahaja membabitkan MAFI tetapi pelbagai kementerian dan agensi lain termasuk Kementerian Kewangan (MoF) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Jelasnya, bagi memastikan skim insurans itu memberi manfaat dan melindungi kebajikan golongan petani, kementerian meletakkan syarat ketat selain turut merancang memperluas skim itu kepada sub sektor pertanian yang lain.

Sementara itu, Ronald ketika mengulas fenomena kemarau yang dijangka berlanjutan hingga Oktober ini berkata, pihaknya sudah mengambil pelbagai tindakan proaktif bagi memastikan situasi itu tidak menjejaskan sektor agromakanan dan bekalan makanan negara.

"Kemarau dan banjir adalah cabaran berulang yang dihadapi oleh sektor agromakanan dan tentu sekali pelbagai langkah serta tindakan telah diambil bersama kementerian lain.

"Contohnya, apabila berlaku kemarau menbabitkan empangan untuk pengairan sawah di Perak pada bulan lalu, kita bekerjasama dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk membuat pembenihan awan," katanya.

Semalam, Pusat Meteorologi Khusus ASEAN (ASMC) menjelaskan situasi kemarau yang sedang melanda Asia Tenggara termasuk Malaysia yangdikaitkan dengan permulaan Monsun Barat Daya dan berkemungkinan berlanjutan hingga Oktober 2022.

Pada majlis sama, Ronald turut melancarkan buku kompilasi Inovasi Kejuruteraan Pertanian Tahun 2016-2020.

Naskhah berkenaan mengandungi semua inovasi kejuruteraan pertanian yang telah direka cipta oleh 96 pereka cipta dari Bahagian Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian.

Ia mengandungi maklumat projek inovasi, kelebihan produk, spesifikasi dan inovasi yang dihasilkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN.COM | ONLINE | |

# TIADA KEGIATAN JUAL IKAN DI TENGAH LAUT DI PERAIRAN TERENGGANU

Oleh Nik Nur Izzatul Hazwani Nik Adnan, Muhamad Aimy Ahmad, Hadi Ab. Manap, Ain Safre Bidin Dan Tengku Danish Bahri Tengku Yusoff Dan Tengku Danish Bahri Tengku Yosoff



SEBAHAGIAN bot nelayan yang berada di Jeti Seberang Marang, Marang, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

**KEMAMAN:** Kegiatan menjual hasil tangkapan kepada nelayan asing di tengah laut untuk meraih keuntungan berganda dipercayai tidak berlaku di perairan Terengganu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassin Mohammed berkata, semua nelayan di negeri ini membawa pulang hasil laut ke darat dan tidak wujud aktiviti jual beli di tengah laut.

"Di negeri ini, pihak Penentu mendapati tiada kegiatan jual beli secara haram dilakukan oleh nelayan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan pemain gergasi industri perikanan yang menjadi orang tengah dan memonopoli sektor tersebut turut menjalankan kegiatan menjual hasil tangkapan kepada nelayan asing di tengah laut demi mengaut untung berlebihan.

Ia disahkan oleh Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang berkata, pihaknya sudah mengesan kegiatan tersebut sejak dahulu dan aktiviti yang sama masih berleluasa sehingga hari ini.

Selain itu, Mat Yassin berkata, penguatkuasaan yang ketat oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Jabatan Perikanan dan beberapa agensi lain menyebabkan tiada individu yang berani melakukan kegiatan haram tersebut.

"Kalau ikan berkurangan pun, ia berlaku bermusim berikutan beberapa faktor seperti musim monsun, arus kuat dan cuaca yang tidak menentu," katanya.

Senada dengan Mat Yassin, seorang nelayan yang mahu dikenali sebagai Pak Usop, 74, berkata, sepanjang lebih 40 tahun turun ke laut, dia tidak pernah melihat berlaku kegiatan jual beli di tengah laut sekitar perairan daerah ini.

"Kebanyakan nelayan di sini adalah nelayan tradisional, memang tidak ada kartel dan apa-apa kegiatan jual beli di tengah laut. Semua hasil tangkapan dibawa balik ke darat.

"Lagipun, di sini memang penguatkuasa selalu adakan rondaan, terutamanya ketika musim candat sotong yang menarik perhatian nelayan asing untuk menceroboh masuk ke perairan Kemaman," ujarnya.

Dalam pada itu, Maritim Malaysia Terengganu pula tidak menolak kemungkinan wujud kegiatan menjual hasil laut oleh nelayan tempatan kepada nelayan asing di perairan Terengganu.

Bagaimanapun, menurut sumber, sehingga kini, masih tiada tangkapan atau rampasan dibuat terhadap nelayan tempatan yang dipercayai terlibat.

Menurutnya, Maritim Malaysia lebih memberi fokus menjaga sempadan maritim di perairan negara melalui operasi pemantauan dan rondaan.

"Kita percaya kartel menjual ikan di tengah laut itu wujud dan berlaku di perairan Terengganu. Namun masih tiada tangkapan dilakukan terhadap bot-bot nelayan tempatan.

"Hal ini kerana Maritim Malaysia memberi tumpuan membanteras pencerobohan nelayan asing dan sebab itu hampir kesemua tangkapan melibatkan bot nelayan Vietnam.

"Jadi setakat ini tiada lagi bot tempatan yang ditahan kerana membawa keluar hasil laut ke sempadan negara," katanya. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Tak jejas walaupun cecah RM7k seekor

**Seremban:** Walaupun harga lembu meningkat naik mencecah RM7,000 seekor berbanding di bawah RM5,100 seekor sebelum ini, namun ia tidak menjejaskan permintaan haiwan ternakan itu untuk ibadah korban tahun ini.

Permintaan terhadap binatang ternakan itu di Negeri Sembilan meningkat di luar jangkaan menyebabkan pengusaha dan penternak tidak mampu memenuhi semua permintaan berkenaan.

Pengerusi Persatuan Usahawan Ruminan Negeri Sembilan (PURNS), Maarif Maarof, berkata rata-rata pengusaha tidak mampu menyediakan sepenuhnya permintaan umat Islam yang ingin melakukan korban ternakan pada Aidiladha Ahad ini kerana bekalan tidak mencukupi.

"Kami tidak menjangka permintaan terhadap binatang ternakan untuk korban kali ini begitu menggalakkan.

"Ada kemungkinan keadaan ini berlaku berikutan ramai umat Islam tidak berpeluang melakukan korban berikutan Covid-19 tahun lalu. Ini membuatkan mereka tidak mahu melepaskan peluang melaksanakannya tahun ini.



MOHD Nasir (kiri) menunjukkan sebahagian ternakan yang ditempah bagi tujuan ibadah korban di Kampung Panchor.

"Sehingga hari ini, beberapa pengusaha di Negeri Sembilan masih menerima permintaan sama ada daripada individu mahupun jawatankuasa masjid atau surau yang ingin menempah binatang ternakan untuk ibadah korban," katanya semalam.

> *Setakat ini saya sudah menerima tempahan 24 ekor lembu dan 30 ekor kambing bagi ibadah korban tahun ini"*
>
> **Mohd Nasir**

Maarif berkata, kenaikan harga binatang ternakan tidak dapat dielakkan kerana harga makanan yang semakin tinggi.

"Pengusaha terpaksa menaikkan harga untuk menampung kos makanan ternakan yang meningkat selain beberapa kos lain berkaitan," katanya.

Sementara itu, penternak, Mohd Nasir Samat, 65, dari Kampung Melayu Panchor di sini, berkata, dia terpaksa menolak tempahan binatang ternakan untuk ibadah korban berikutan tidak cukup bekalan.

Beliau yang turut menyediakan kemudahan pusat sembelihan berkata, sambutan sememangnya sangat menggalakkan walaupun harga ternakan meningkat naik antara RM5,000 hingga RM7,000 seekor lembu mengikut saiz.

"Setakat ini saya sudah menerima tempahan 24 ekor lembu dan 30 ekor kambing bagi ibadah korban tahun ini.

"Masih ada kalangan mereka yang memohon untuk menempah ternakan, tetapi terpaksa saya menolaknya," katanya.

# Penternak lembu syukur terpilih Program TKHM

**Hulu Bernam:** Penternak lembu yang terdiri penduduk kampung bersyukur kerana turut menerima tempias selepas Kampung Sri Keledang, Hulu Bernam, Selangor dipilih bagi penganjuran Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) Korban 2022 Harian Metro bersama EZ Qurban pada Aidiladha, Ahad ini.

Penternak, Mohd Hadri Hamdzah, 37, berkata, setakat ini pihak penganjur sudah menempah lapan ekor lembu bagi menjayakan program terbabit di Masjid Jama'atul Asma Ul-Husna Kampung Sri Keledang.

Menurutnya, pada Aidiladha tahun ini sebanyak 32 lembu yang diternak secara perkongsian bersama rakan sekampung berjaya dijual untuk dijadikan korban pada hari raya berkenaan.

"Saya bersyukur dengan adanya penganjuran program ini, sekali gus dapat memberi rezeki kepada saya yang mula menternak lembu sejak 16 tahun lalu.

"Lembu baka tempatan yang diternak sentiasa dijaga dan dipantau dari masa ke masa supaya mampu memberikan hasil atau pulangan pada masa depan," katanya ketika ditemui dekat Kampung Sri Keledang.

Mohd Hadri berkata, pada awal pembabitannya dalam bidang penternakan lembu, beliau hanya mempunyai dua ekor lembu sahaja.

Dalam perkembangan sama, katanya, tempahan lembu korban oleh penganjur membuat beliau gembira kerana tidak perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk penghantaran lembu terbabit kerana jarak masjid dan kampung dengan kawasan penternakan kira-kira enam kilometer (km) sahaja.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 23 |

# Permit khas benarkan guna tanah pertanian

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor dalam cadangan memperkenalkan Program Permit Khas yang membenarkan tanah pertanian digunakan untuk kegiatan lain termasuk pembangunan industri halal.

Exco Agama, Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, usaha itu dilakukan berikutan industri halal menjadi tumpuan utama dunia.

"Sebagai contoh, jika sesiapa yang mempunyai tanah persendirian dan ingin memulakan bisnes atau perniagaan boleh menukar status tanah untuk kegiatan lain," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Menurut Mohd Zawawi, dalam pada itu penurunan deposit premium tanah dalam dasar 100 hari kelulusan tanah daripada 150 hari adalah untuk memudahkan pihak usahawan.

"Bagaimanapun ia tertakluk kepada terma dan syarat yang dikeluarkan oleh PBT (pihak berkuasa tempatan)," katanya.

Mohd Zawawi sebelum itu hadir ke Majlis Perasmian Seminar Kesedaran Halal Peringkat Daerah Hulu Langat di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat pada Selasa.



**Mohd Zawawi (berdiri tengah) pada Majlis Perasmian Seminar Kesedaran Halal Peringkat Daerah Hulu Langat pada Selasa.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | KU BELA | 31 |

# KuBELA



# KLINIK HAIWAN BERGERAK

## Fakulti Perubatan Veterinar UPM jadi tonggak penting selamatkan haiwan terkesan selepas banjir

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

**Pasukan** Klinik Veterinar Bergerak Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi tonggak penting dalam memberi rawatan dan menyelamatkan haiwan yang terkesan dalam musibah banjir di Lembah Klang, baru-baru ini.

Meskipun dianggap wira yang tidak didendang, namun pasukan berkenaan tidak gentar untuk turun ke lokasi bencana sebaik sahaja mendapat maklumat bagi memberi rawatan kepada haiwan peliharaan mahupun yang terbiar di jalanan.

Menggunakan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) yang diubah suai menjadi sebuah klinik bergerak, pasukan berkenaan maju ke hadapan untuk menabur bakti bagi memastikan haiwan mendapat penjagaan sewajarnya.

Timbalan Dekan, Hospital Veterinar Universiti (UVH) UPM, Profesor Dr Jalila Abu berkata, selepas bencana banjir, pihaknya terus menggerakkan pasukan klinik bergerak veterinar itu ke pelbagai lokasi termasuk ke Pontian, Johor dan Gombak, Selangor untuk membantu mendidik masyarakat dan merawat haiwan yang memerlukan.

Kata beliau, selain menyediakan pemeriksaan kesihatan secara percuma, pasukan klinik bergerak itu turut mengadakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai penjagaan haiwan yang betul.

Katanya, ia turut disertai pelajar tahun akhir dan pelajar yang terbabit dengan Projek Pengkasian Haiwan Terbiar (PROKASIH) yang diterajui fakulti berkenaan.

"Selain mendapat pendedahan, pelajar juga berpeluang mengendalikan pemeriksaan kesihatan dan pelbagai kes kesihatan haiwan, ilmu itu berguna selepas mereka tamat belajar kelak.

> 32




TONGGAK penting di sebalik Klinik Veterinar Bergerak Fakulti Perubatan Veterinar UPM

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | KU BELA | 32 |

# BERI PERKHIDMATAN PERCUMA

## Klinik sedia pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai penjagaan haiwan yang betul

FOTO AZHAR RAMLI & IHSAN UPM


HAIWAN yang dihantar diperiksa dengan teliti.

DARI MUKA 31

"Namun, kami akui terdapat kekangan kemudahan yang ada pada klinik bergerak itu disebabkan saiz kenderaan yang digunakan.

"Insya-Allah jika mempunyai dana yang mencukupi, impian kami adalah memiliki bas sendiri untuk dijadikan sebagai Klinik Veterinar Bergerak yang lebih banyak kemudahan dan selesa," katanya.

Cetusan idea Klinik Veterinar Bergerak itu sebenarnya diketuai Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan Veterinar, Dr Farina Mustaffa Kamal dan Ketua Jabatan, Profesor Madya Dr Nurul Hayah Khairuddin serta digerakkan dengan beberapa tonggak penting lain termasuk Pegawai Perunding UVH, Profesor Madya Dr Chen Hui Cheng.

Menurut Dr Nurul Hayah, program Klinik Veterinar Bergerak itu secara tidak langsung turut menjayakan program pengembangan pihak universiti.

Kata Dr Nurul Hayah, apabila mereka mengadakan program, ia secara tidak langsung turut membabitkan sumbangan pemerkasaan pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat.

"Ini kerana tugas veterinar bukan hanya untuk merawat haiwan kesayangan (seperti anjing dan kucing) semata-mata tetapi terdapat banyak cabang dalam bidang veterinar lain yang belum diketahui masyarakat.

"Jadi, apabila kami turun padang, tugasnya bukan hanya untuk memeriksa atau memberi rawatan sahaja kerana lebih daripada itu, kami juga mahu memberi kesedaran dan memperkasakan masyarakat dengan maklumat yang tepat mengenai penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia serta penjagaan haiwan," katanya.

Dalam pada itu, bencana banjir yang berlaku di Lembah Klang akhir Disember lalu benar-benar membuka mata banyak pihak bahawa selain keselamatan manusia dan harta benda, nyawa haiwan juga perlu menjadi keutamaan.


DR Farina yang bertanggungjawab mencetuskan idea membuka Klinik Veterinar Bergerak untuk membantu haiwan mangsa bencana banjir di Shah Alam dan Hulu Langat Selangor baru-baru ini.

Kata Dr Farina, ketika bencana tempoh hari, pihaknya melaksanakan misi bantuan kecemasan dan perubatan haiwan terkesan banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam serta Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor.

Inisiatif itu katanya, adalah hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA), Persatuan Doktor Veterinar Haiwan Kesayangan Malaysia (MSAVA) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Selangor, Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) Selangor, Yayasan Hasanah, alumni fakulti, klinik veterinar swasta, sukarelawan dan banyak lagi.

"Sebanyak 1,596 ekor haiwan seperti kucing, anjing, arnab, Guinea Pig, Hedgehog, hamster, kambing, kura-kura dan burung sudah diperiksa serta dirawat dengan sebaiknya.

"Seperti manusia, haiwan juga perlu mendapat perhatian sewajarnya dan kami terpanggil untuk membantu haiwan yang terjejas," katanya.

Mengulas lanjut Dr Farina berkata, setiap kali misi bantuan diadakan biasanya tiga doktor veterinar termasuk staf terlatih akan diperlukan.

"Namun ia bergantung kepada jenis haiwan yang ingin dirawat," katanya.

Sepanjang mengadakan misi bantuan terhadap haiwan, terdapat kejadian yang meruntun hati doktor kecil molek itu.

Katanya, ketika sibuk merawat kucing mangsa banjir di Hulu Langat tempoh hari, ada seorang lelaki yang kebetulan melalui kawasan Klinik Veterinar Bergerak dan tiba-tiba dia kelihatan sebak.

"Dia seakan tidak percaya kami ada di sana untuk membantu haiwan yang turut menjadi mangsa banjir.

"Selain itu, ada sekumpulan kanak-kanak yang berjalan kaki dari jauh semata-mata menghantar kucing yang ditemui selepas banjir untuk mendapatkan rawatan.

"Keprihatinan mereka benar-benar memberi makna tersendiri dan semua itu menguatkan lagi semangat kami untuk terus membantu haiwan yang memerlukan," katanya.


ORANG ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan pemeriksaan dan rawatan untuk haiwan peliharaan masing-masing di Klinik Veterinar Bergerak.



KANAK-kanak turut tampil membantu menghantar kucing mangsa banjir di Hulu Langat ke Klinik Veterinar Bergerak.

Anda mempunyai pengalaman, koleksi gambar menarik bersama haiwan atau haiwan peliharaan boleh dikongsi dengan menghantar e-mel ke rencana@hmetro.com.my

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |

# Peniaga ayam akur harga siling ditetap kerajaan

**Kuala Lumpur:** Peniaga ayam di beberapa pasar basah sekitar Lembah Klang akur dengan ketetapan kerajaan berhubung harga siling ayam segar RM9.40 sekilogram, walaupun masing-masing mengakui hanya sedikit keuntungan diperoleh.

Ini diakui peniaga ayam di Pasar Borong Selangor, Robaiyah Amir, namun memaklumkan dia tidak boleh menjual ayam segar lebih rendah daripada harga ditetapkan kerajaan bagi mengelak menanggung kerugian.

Sebagai peniaga, katanya dia juga perlu mengambil kira jumlah pelanggan yang datang membeli ayam segar di kedainya yang semakin berkurangan kini.

"Pelanggan agak berkurangan sekarang dan tidak seperti dahulu. Jika saya jual (ayam segar) lebih murah daripada harga siling dengan kehadiran pelanggan berkurangan, sudah tentu tiada untung," katanya ketika ditemui.

Robaiyah berkata, pihaknya juga perlu mengambil kira kos sewa, kos pekerja dan sebagainya dan sebab itu tidak boleh menjual lebih murah daripada harga siling ditetapkan kerajaan.

Peniaga lain, Pramansa Shahrul, 32, berkata sebelum ini ramai pembeli mengeluh harga ayam sangat tinggi iaitu RM10.50 sekilogram termasuk upah potong, di samping kurang yang membeli kerana harga tinggi ditetapkan.

"Saya jual dengan harga tinggi sebelum ini kerana saya dapat harga ayam dari pembekal RM9.20 sekilogram, itu sebabnya saya jual RM 10.50.

"Kini, saya dapat harga RM8.40 sekilogram daripada pembekal, jadi tiada masalah untuk jual RM9.40 sekilogram walaupun untung sekitar 90 sen hingga RM1," katanya mengakui kurang keluhan dan rungutan daripada pembeli selepas 1 Julai lalu.

Dalam pada itu, pengunjung Pasar Chow Kit di Jalan Raja Bot, di sini, mengakui terkejut apabila harga beberapa jenis ikan seperti sardin dan kembung meningkat, termasuk ada yang mencecah dua kali ganda.

Pembantu kedai makan yang hanya ingin dikenali Fida, 31, memberi contoh ikan sardin yang sebelum ini dijual RM10 sekilogram kini naik sehingga RM14 sekilogram, manakala ikan kembung meningkat daripada RM11 kepada RM19 sekilogram.

"Sebelum ini, ikan sardin paling mahal saya pernah dapat sekitar RM12 hingga RM13 sekilogram, tetapi sekarang naik lagi tinggi.

"Minggu lalu, saya beli ikan kembung dengan harga RM11 sekilogram, tapi hari ini naik sampai RM19 sekilogram dan saiznya lebih kecil daripada minggu lalu.

"Saya memang biasa beli di sini berbanding pasar di kawasan Ampang sebab di sana lebih mahal. Jika ikan sini RM18 sekilogram, di sana mencecah sehingga RM20 sekilogram," katanya yang bekerja di sebuah restoran di Ampang.

Dalam pada itu, tinjauan mendapati rata-rata peniaga tidak menjual ikan segar, di samping tidak mempunyai banyak stok bekalan kerana difahamkan musim sekarang ikan sukar diperoleh.

Sementara itu, seorang suri rumah, Jamilah Che Mat, 63, berkata peningkatan harga barangan termasuk ayam, telur dan minyak masak amat membebankan dan menyebabkan dia terpaksa menggunakan semula minyak masak yang sudah diguna untuk berjimat.

"Saya golongan berpendapatan rendah, jadi dapat rasa kesan bila banyak barangan yang naik harga," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan bekalan minyak masak di pasar borong sekitar Chow Kit turut mendapati minyak masak paket kehabisan stok, di samping minyak masak dalam botol juga kekurangan.

Peniaga juga masih menetapkan harga lama untuk lebihan stok sedia ada.



*Tinjauan harga ayam yang dijual pada harga RM9,40 di Pasar Borong Selangor.* (Foto Hazreen Mohamad/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |

# Peniaga patuh jual ayam RM9.40 sekilo




PENIAGA menjual ayam pada harga RM9.40 seperti ditetapkan kerajaan dalam tinjauan di Pasar Borong Selangor. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

**Kuala Lumpur:** Tinjauan di beberapa pasar basah di sekitar Lembah Klang mendapati peniaga ayam segar menjual mengikut harga siling RM9.40 sekilogram.

Peniaga ayam di Pasar Borong Selangor, Azmi Zainal berkata, setakat ini jumlah pelanggan yang membeli di kedainya masih sama dan dia turut mematuhi penetapan harga siling dibuat kerajaan.

Menurutnya, jika sebelum ini harga siling RM8.90 sekilogram, tetapi dia terpaksa menjual RM11.40 kerana termasuk cas pemotongan, tetapi kini jika diikutkan harga lebih rendah iaitu RM9.40.

"Pelanggan setakat ini masih sama cuma keuntungan itu sedikit sahaja," katanya, semalam.

Seorang lagi peniaga ayam, Robaiyah Amir berkata, dia patuhi penetapan harga siling dibuat kerajaan.

Menurutnya, jika sebelum ini harga siling RM8.90 sekilogram, tetapi dia terpaksa menjual RM11.40 kerana termasuk cas pemotongan, tetapi kini jika diikutkan harga lebih rendah iaitu RM9.40.

"Pelanggan setakat ini masih sama cuma keuntungan itu sedikit sahaja," katanya, semalam.

Robaiyah Amir berkata, dia tidak boleh menjual ayam segar lebih rendah daripada harga ditetapkan kerajaan bagi mengelak menanggung kerugian.

"Lagipun pelanggan juga agak berkurangan sekarang ini tidak seperti dahulu.

"Jika saya menjual lebih murah daripada harga siling dengan kehadiran pelanggan berkurangan sudah tentu tidak akan memperoleh keuntungan," katanya.

Robaiyah berkata, pihaknya juga perlu mengambil kira kos sewa, kos pekerja dan sebagainya dan sebab itu tidak boleh menjual lebih murah daripada harga siling ditetapkan kerajaan.

"Lagipun saya pun tidak untung banyak pun tambahan pelanggan juga tidak seperti dahulu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |



MOHD. SAIFUL BASRI menunjukkan lembu bersaiz besar yang diternaknya dalam kawasan kelapa sawit di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang semalam.

# Lembu 'gemuk' korban tak laku

**GUA MUSANG** – Permintaan lembu bersaiz besar atau digelar sebagai gemuk untuk ibadah korban pada tahun ini kurang menjadi pilihan orang ramai kerana harga ruminan itu yang mahal.

Seorang penternak lembu di Kampung Lepan Jaya di sini, Mohd. Saiful Basri Mat Yaakob, 46, mengakui, orang ramai tidak berani membeli lembu tersebut ekoran harganya boleh mencecah RM12,000 sehingga RM20,000 seekor.

Menurutnya, harga lembu miliknya tahun ini turut meningkat dan mencecah RM7,000 berbanding tahun sebelum ini hanya RM3,000 hingga RM5,000 seekor.

Katanya, hanya sembilan ekor lembu sudah dijual sejak bulan Ramadan lalu untuk ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha ini.

"Baru-baru ini saya telah menjual empat ekor lembu berharga RM7,000 seekor dan lima ekor lembu berharga RM6,800 seekor.

"Orang ramai tidak berminat untuk beli lembu berharga RM8,000 ke atas kerana disifatkan terlampau mahal," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di ladang ternakan lembunya di Kampung Lepan Jaya di sini semalam.

Mohd. Saiful Basri berkata, dia menceburi bidang penternakan lembu sejak 25 tahun lalu dan boleh dikatakan harga tahun ini merupakan antara yang tertinggi dijual kepada pelanggan.

Katanya, dia kini mempunyai lebih 40 ekor lembu yang diternak di dalam ladang kelapa sawit miliknya dan tahun ini sangat kos menjaga lembu sangat mencabar.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 7 |

Dua durian yang berharga RM35 sekilogram ini mempunyai rasa lemak, melekit

# Tupai hitam tandingi musang king

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Durian tupai hitam dari Gerik, Perak paling dicari peminat raja buah itu di negeri ini kerana dikatakan mampu menandingi durian musang king gred B yang kini dipasarkan pada harga sama iaitu RM35 sekilogram.

Pengusaha di Pusat Pengumpulan Durian Penang dan Perak di Jalan Bharu, Bukit Mertajam, Mohamad Harris Rosli, 30, berkata, durian dari pokok berusia lebih 25 tahun itu mula menambat hati penggemar buah tempatan itu hampir setiap hari.

Menurutnya, penghantaran kira-kira 20 biji tupai hitam ke lokasi pengumpulan durian setiap dua hari sekali itu akan habis dijual kurang 12 jam sehari.

"Durian ini (tupai hitam) tidak sama dengan variasi tupai king. Kami dimaklumkan pekebun yang namanya diambil setelah buah itu sering menjadi pilihan tupai berbanding buah premium lain.

"Tupai hitam kini mempunyai peminatnya tersendiri di sekitar negeri ini. Rasanya yang manis, sikit lemak, melekat pada lelangit dan kulit buah berwarna 'nescafe' itu dikatakan mampu menandingi durian musang king gred B berharga sama iaitu RM35 sekilogram.

"Buah ini biasanya akan dimakan paling akhir sekiranya dinikmati bersama buah durian kahwin lain. Boleh dikatakan, sekali nikmatinya memang tak akan pekena buah lain dah," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Difahamkan, buah tupai hitam dikenali sebagai tekka atau kaki buluh oleh pekebun di Pahang.

Dalam pada itu, Mohammad Hariff yang juga jurutera perkapalan di Brunei itu memberitahu, tupai hitam dikatakan hanya boleh ditemui di Perak serta Pahang sahaja dan pengeluaran pada tahun ini dijangka berakhir dua minggu lagi.

"Bayangkan, belum pun dibawa ke sini, buah itu sudah ditempah awal dan ada pemiliknya. Mereka sanggup menunggu kedatangan buah istimewa ini berbanding musang king, buah kahwin D24 dan udang merah.

"Jualan durian tupai hitam di sini (Bukit Mertajam) sejak lima tahun lalu didapati mampu menjana pendapatan kami. Memang dikatakan jarang untuk menemui buah jenis ini dijual di Pulau Pinang," ujarnya buah tersebut dikatakan hanya luruh kira-kira lima hingga 10 biji sehari.



**MOHAMAD HARRIS** ketika ditemui di Pusat Pengumpulan Durian Penang dan Perak di Bukit Mertajam semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 7 |



# Beli patin buah RM1,245 seekor

**LIPIS** – Permintaan yang tinggi terhadap ikan patin liar membuatkan seorang pemilik restoran Ahmad Daniar Ismail sanggup mengeluarkan modal sebanyak RM1,245 bagi membeli seekor ikan patin buah.

Pemilik restoran House of Patin Kuala Lumpur itu berkata, dia yang datang ke Kuala Medang tidak teragak-agak membeli seekor ikan patin seberat 8.3 kilogram yang baru ditangkap seorang nelayan dengan harga RM1,245.

"Saya akan membawa ikan patin buah ini ke restoran di Kuala Lumpur bersama beberapa spesies lain ikan liar Sungai Jelai lain yang dibeli daripada daripada nelayan sungai kampung ini kerana stok ikan yang bermutu tinggi sudah habis dimasak (dijual) kepada pelanggan di sana.

"Kebetulan Hari Raya Aidiladha bakal tiba, restoran House of Patin yang terletak di Kuala Lumpur akan dibanjiri ramai pelanggan warga ibu kota yang gemar dengan masakan asam tempoyak ikan liar Sungai Jelai ini," katanya di sini semalam

Menurut Ahmad Daniar dia sering datang ke Kuala Medang yang merupakan kampungnya untuk mendapatkan bekalan ikan sungai termasuk patin buah, kelah, kerai, dan sebagainya.

Katanya, ikan patin buah berkenaan ditangkap oleh nelayan yang turun memancing di Sungai Jelai selepas dia membuat pesanan tiga hari lalu untuk membeli ikan sungai.

Dalam pada itu beliau berkata, ikan patin buah berkenaan akan dimasak tempoyak yang boleh dihidangkan kepada kira-kira 50 orang pelanggan.

"Boleh dikatakan masakan ikan patin dicampur asam tempoyak menjadi kegemaran masyarakat ibu kota malahan orang Pahang yang sudah lama menetap di Kuala Lumpur juga sekali sekala teringin untuk menjamah masakan ini.

"Ini kerana ikan patin Sungai Jelai di Lipis dan Sungai Tembeling di Jerantut antara yang bermutu tinggi dan rasa isinya sedap apabila dimasak campuran asam tempoyak dan asam rong," ujarnya.



**AHMAD DANIAR menunjukkan ikan patin yang dibeli di Kampung Kuala Medang di Lipis semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Dedak mahal, penternak puyuh turut terkesan

**ALOR GAJAH:** Kenaikan harga dedak sejak Mac 2020 bukan sahaja memberi kesan kepada industri penternakan ayam, malah turut memaksa sebahagian besar penternak puyuh skala kecil 'menutup reban'.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penternak puyuh, Rosnizam Md. Noor, 46, berkata, harga dedak sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah RM108 seguni dan ia terus meningkat kepada RM152 seguni.

Menurutnya, lebih parah lagi jumlah kenaikan harga dedak bagi tempoh dua bulan kebelakangan ini adalah RM5 seguni.

"Dedak menjadi masalah terbesar kepada penternak puyuh kerana harganya sentiasa naik setiap bulan dan tidak pernah sekali pun turun. Pada awal Jun lalu harganya naik RM3 seguni dan awal bulan ini naik lagi sebanyak RM2 seguni. Kenaikan hampir RM50 sejak Mac 2020.

"Faktor inilah yang membuatkan penternak puyuh dalam skala kecil terpaksa gulung tikar kerana terbeban dengan kos makanan. Penternak yang masih bertahan terpaksa menaikkan harga puyuh bagi mengimbangi kos pengeluaran.

"Dulu saya jual daging puyuh gred AA pada harga RM28 sepeket, kini terpaksa naikkan kepada RM32 sepeket. Jika dedak naik lagi, paling tinggi saya boleh jual pun pada harga RM35 hingga RM40 sepeket, tapi bimbang pelanggan tak mahu beli lagi sebab mahal," katanya.




ROSNIZAM Md. Noor memberi dedak kepada puyuh ternakannya di Kampung Ayer Hitam Darat di Masjid Tanah, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Tak sabar menanti kemeriahan Aidiladha

Oleh **AMRAN MULUP**
utusannews@mediamulia.com.my

**MELAKA:** Pelaksanaan ibadah korban tahun ini diangka kembali meriah selepas hampir dua tahun tidak dapat dilaksanakan secara terbuka, sejak seluruh negara dilanda wabak Covid-19.

Kebenaran oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) membenarkan semua masjid dan surau di negeri ini melaksanakan ibadah korban sebagaimana ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), disifatkan cukup melegakan.

Pengerusi Korban Berkelompok Masjid Al-Aminin, Batang Tiga, Dr. Shahrom Noordin berkata, beliau berharap ibadah korban tahun ini dapat berjalan lancar buat pertama kali, selepas berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, tahun lalu korban dijalankan dalam suasana sunyi berikutan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan kerajaan hanya membenarkan tiga ekor lembu.

"Alhamdulillah dan saya memanjatkan rasa syukur ibadan korban tahun ini buat pertama kali akan terasa kemeriahannya, selepas sepi sejak dua tahun lalu.

"Tahun lalu, suasana masjid agak sunyi kerana petugas yang dibenarkan sahaja memotong daging untuk diagihagihkan kepada para peserta.

"Namun tahun ini saya lihat suasana kembali meriah dengan pelaksanaan ibadah korban walaupun hanya sembilan ekor lembu. Ramai kariah menawarkan diri untuk membantu memotong dan mengagihkan daging korban," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Shahrom menambah, ibadah korban kali ini tetap perlu mematuhi SOP yang ditetapkan serta akan dipantau JAIM dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).




**SHAHROM Noordin menunjukkan nama sebahagian peserta yang menyertai ibadah korban di Masjid Al-Aminin, Batang Tiga, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



MOHD. Saiful Basri Mat Yaakob (kanan) melihat lembu ternakannya di Kampung Lepan Jaya, Gua Musang, Kelantan. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

# Lembu 'gemuk' kurang sambutan

**GUA MUSANG:** Lembu bersaiz 'gemuk' kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat di sini untuk ibadah korban susulan harganya yang agak mahal.

Seorang penternak lembu di Kampung Lepan Jaya di sini, Mohd. Saiful Basri Mat Yaakob, 46, mengakui, harga ruminan yang mencecah RM12,000 sehingga RM20,000 seekor membuatkan orang ramai tidak berani untuk membelinya.

Menurutnya, harga lembu miliknya tahun ini turut meningkat dan mencecah RM7, 000 berbanding tahun sebelum ini hanya RM3,000 hingga RM5,000 seekor.

"Sebanyak sembilan ekor lembu sudah dijual sejak bulan Ramadan lalu untuk ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha.

"Baru-baru ini saya telah menjual empat ekor lembu berharga RM7,000 seekor dan lima ekor lembu berharga RM6,800 seekor," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mohd. Saiful Basri yang sudah menceburi bidang penternakan lembu sejak 25 tahun lalu memberitahu tahun ini merupakan kenaikan harga ruminan itu yang paling tinggi.

Katanya, peningkatan kos makanan lembu turut menjadi penyumbang kepada perkara ini.

"Lebih satu tan dedak diperlukan pada setiap bulan, selain itu terpaksa memberi rumput serta tumbuhan hijau lain sebagai makanan tambahan bagi mengelakkan pertambahan kos.

"Selain menjual lembu, saya turut menjual daging lembu dengan harga RM33 hingga RM34 sekilogram," ujarnya.

Mohd. Saiful Basri yang merupakan penternak bimbingan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Gua Musang berkata, dia memilih untuk menternak lembu jenis baka Limousine dan Charolaise kerana penjagaannya yang lebih mudah.

Katanya, seekor lembu miliknya dengan berat 180 kilogram mampu mencecah harga RM14,000.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Takut-takut tanam terung akhirnya jadi petani moden

**SUNGAI PETANI:** Hilang mata pencarian disebabkan Covid-19 mendorong seorang kontraktor landskap nekad beralih ke bidang pertanian demi kelangsungan hidup.

Berkat usaha gigih, Rahani Abu Ahmad, 61, yang mengusahakan tanaman terung melalui kaedah fertigasi akhirnya menuai hasil dengan pendapatan melebihi empat angka sebulan.

"Pada mulanya saya takut kerana tidak ada pengalaman dalam bidang pertanian namun selepas hilang punca pendapatan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) saya memberanikan diri mencuba tanam terung.

"Akhirnya terung mini yang ditanam di dalam polibeg di kawasan sekeliling rumah inilah yang menjadi punca pendapatan menyara keluarga," katanya ketika ditemui di Kampung Tembak B, Kuala Ketil, semalam.

Usaha yang dijalankan Rahani turut mendapat sokongan isterinya, Hariyah Mohd., 58, yang membantu dalam proses menyemai benih, penjagaan tanaman sehingga menuai buah.

Dua anaknya pula yang berumur 38 dan 32 tahun yang menjadi peniaga di pasar pagi Pulau Pinang dan Taman Ria, di sini menjual sendiri terung yang diusahanya.

"Tanaman guna polibeg tidak sesukar tanam di atas tanah yang perlukan perhatian setiap masa. Air, racun dan baja semuanya disalurkan melalui paip dan kerja ini boleh dilakukan bila-bila masa secara berseorangan," katanya.



**RAHANI Abu Ahmad dibantu isteri dan dua anak mereka memeriksa pokok terung yang ditanam di dalam polibeg di Kampung Tembak B, Kuala Ketil, Kedah.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 29 |

# 142 bot nelayan asing dijadikan tukun tiruan

Kesemua bot telah dilucut hak, satu inisiatif pulihara biodiversiti marin

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu telah melupuskan sebanyak 142 buah bot nelayan asing dengan anggaran nilai keseluruhan RM213 juta sejak tahun 2010.

Pengarah Maritim Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, kesemua bot berkenaan dijadikan tukun bagi pembiakan ikan di sepanjang perairan Terengganu.

"Kaedah penenggelaman sebagai tukun merupakan satu inisiatif dalam memulihara biodiversiti marin di samping meningkatkan sektor pelancongan terutamanya aktiviti rekreasi selam.

"Ia juga simbolik kepada keseriusan Maritim Malaysia mengekang serta membanteras kemasukan nelayan asing terutamanya dari Vietnam ke perairan negara," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Muhammad Suffi berkata, terbaharu, tiga bot nelayan Vietnam yang telah dilucut hak dijadikan tukun tiruan berhampiran perairan Pulau Kapas, pada Selasa.

Menurutnya, bot berkenaan telah ditahan oleh Kapal Maritim (KM) Langkawi, KM Mulia dan KM Gemia melalui Op Naga Barat dan Op Kuda Laut yang turut melibatkan penahanan 22 kru termasuk tekong warga Vietnam.

"Tiga bot nelayan Vietnam itu ditahan serta dilucut hak oleh mahkamah tahun lalu atas kesalahan menceroboh dan menangkap ikan di perairan negara.

"Kesemua bot itu disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 15(1) dan 16 (3) Akta Perikanan 1985 iaitu memasuki perairan Malaysia tanpa kebenaran Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Mahkamah turut mengenakan denda sejumlah RM2.75 juta ke atas tiga bot ini, namun tidak dijelaskan oleh pemilik. Sehubungan itu, mahkamah melucutkan hak ketiga-tiga bot ini untuk dilupuskan manakala 22 nelayan Vietnam dihukum penjara tujuh bulan," ujarnya.

Tambah Muhammad Suffi, pelupusan bot nelayan Vietnam di perairan Pulau Kapas tersebut merupakan siri keenam yang diadakan tahun ini menjadikan sebanyak 13 bot telah dilupuskan di perairan tersebut.

FOTO: IHSAN MARITIM MALAYSIA TERENGGANU




Antara bot nelayan asing Vietnam yang dilupuskan di Pulau Kapas pada Selasa.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 26 |

# 19 set bubu naga haram dirampas

**GEORGETOWN-** Sebanyak 19 set bubu naga yang dipercayai dipasang individu tidak bertanggungjawab dirampas oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang pada Isnin.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Pulau Pinang, Komander Maritim Nak Rong Si Prom berkata, kesemua bubu tersebut ditemui di dua lokasi berbeza pada kedudukan 1.6 batu nautika barat daya perairan Batu Kawan antara jam 4.15 hingga 4.40 petang.

"Set bubu naga bernilai RM2,280 itu ditemui ketika rondaan dalam Op Pertiwi oleh bot ronda Maritim Pulau Pinang pada petang semalam (Isnin). Ketika rondaan, kami mengesan objek terapung yang mencurigakan di dua lokasi.

"Pemeriksaan mendapati terdapat 19 set bubu naga yang dipasang oleh individu tidak bertanggungjawab di dua lokasi berkenaan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kesemua bubu naga yang dirampas dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.



**Kesemua set bubu naga yang dirampas pada Isnin dibawa ke Jeti Polis Marin Batu Uban untuk tindakan lanjut.**

"Penggunaan bubu naga ini diharamkan di laut kerana sifatnya yang tidak selektif dan merosakkan ekosistem marin serta menjejaskan sumber pendapatan nelayan lain.

"Pemilik bubu naga boleh didakwa mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan. Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan," jelasnya.

Nak Rong turut mengingatkan nelayan supaya mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat lesen perikanan yang telah diperuntukkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 24 |


# Kibas pesara polis 'laku keras' menjelang Aidiladha


Oleh NORUL AKMA MOHD ZAIN
gayautusan@mediamulia.com.my


"KALAU ikutkan jumlah kibas yang ada kira-kira 100 ekor lebih tetapi semua itu sudah ditempah pelanggan untuk majlis akikah sebelum ini. Permintaan untuk Aidiladha hampir 20 ekor dan dijangka meningkat," itu reaksi positif Yacob Adamsah mengambarkan haiwan ternakan kibas diusahakan sejak lima tahun lalu 'laku keras' menjelang Hari Raya Haji ini.

Pesara polis berusia 61 tahun dari Kepala Batas ini nyata bijak menggunakan waktu bersaranya sebagai tempoh aktif dengan mengusahakan ternakan kibas sebagai sumber pendapatannya.

"Saya mula ternak baka dari Australia dan Mesir empat ekor saja di tanah seluas 0.4 hektar. u adalah sebanyak empat ekor sahaja yang merupakan baka berasal dari negara Australia dan Mesir.

Selepas empat tahun mengusahakan ternakan kibas, jumlah haiwan ternakan itu mencecah mencecah 70 ekor termasuk 12 ekor anak kibas," katanya kepada *Utusan Malaysia*, ketika ditemui di ladang mini ternakan kibas miliknya di



YACOB ADAMSAH

Kampung 20, Penaga, baru-baru ini.

Pemilik Fariza Mutiara Agrofarm ini berkata, ternakan kibas dibangunkan sejak 2018 itu bermula sekadar ingin memenuhi waktu lapang selepas perusahaan ternakan ayam dan itik diusahakan sebelum ini tidak menjadi.

"Ketika mengusahakan ternakan ayam dan itik sekitar 2016, ia mengundang masalah seperti bau dan juga menggalakkan kehadiran lalat ke kawasan penempatan. Saya mengambil keputusan tidak meneruskan ternakan haiwan itu lalu beralih kepada ternakan kibas yang dirasakan lebih mudah untuk mengendalikannya," katanya.



YACOB bersama sebahagian kibas di ladang ternakan terletak di Kampung 20, dekat Penaga, Butterworth.

**PERMINTAAN UNTUK AIDILADHA**

Permintaan kibas untuk Aidiladha, pertama kali dibuka kepada pelanggan memandangkan jumlah bilangan haiwan itu kian meningkat.

"Sebelum ini saya fokus kepada kenduri dan akikah sahaja. Namun, sekarang kami pelbagaikan tempahan untuk Aidiladha kerana merasakan orang sudah mula menerima daging kibas untuk dijadikan pilihan sebagai daging korban," katanya.

Harga seekor kibas dijual pada harga antara harga RM1,000 hingga RM1,600 bergantung kepada saiz dan baka.

Sementara itu, kerja-kerja pengurusan ladang ternak dilakukan bersama isteri Fariza Abu Bakar, 51 yang juga merupakan seorang guru di sebuah sekolah dekat Seberang Perai Utara, Butterworth.

"Setiap kali selesai kerja isteri akan datang ke ladang untuk menguruskan keperluan kibas dari segi memantau kesihatan kibas serta menguruskan keperluan asas yang lain manakala saya pula akan menguruskan kebersihan kandang kibas, kerja-kerja baik pulih kandang serta mencari keperluan makanan



FARIZA menghabiskan masa di kandang ternakan kibas bagi memastikan keperluan dan kesihatan kibas terjamin.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 25 |



kibas termasuklah mencari 80 pelepah kelapa sawit setiap hari di kawasan sekitar," katanya.

Kos makanan kibas tidak termasuk dedaun dan rerumput yang rata-ratanya terdiri daripada bijirin oat, hampas soya serta kacang sepat menelan belanja sekitar RM1,500 sebulan.

> **"...pada permulaannya, kibas yang diternak pada tanah seluas 0.4 hektar itu adalah sebanyak empat ekor sahaja yang merupakan baka berasal dari negara Australia dan Mesir."**

**KURANG BERGANTUNG KEPADA IMPORT**

Yacob yang pernah berkhidmat dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) selama 33 tahun turut menambah, pihaknya juga ingin mengembangkan cabang perniagaan kepada jualan daging kibas sejuk beku serta menghasilkan baja organik yang diperbuat daripada sisa buangan kibas secara komersial.

"Usaha menternak biak kibas yang kami lakukan ini juga adalah sebagai salah satu alternatif untuk mengurangkan kebergantungan komuniti terhadap ternakan import, kerana merasakan ada peluang cerah terhadap permintaan kibas dalam pasaran tempatan.

"Dan pada masa yang sama, atas dorongan tersebut saya dan isteri sudah mula mengeluarkan produk daging kibas sejuk beku secara kecil-kecilan yang dijual menggunakan platform Whatsapp. Hasilnya begitu memberangsangkan.

"Selain itu, dalam masa terdekat ini saya dan isteri juga berhasrat untuk membuka pusat ternakan kibas tempatan selain ingin mengusahakan kolam ikan untuk kaki pancing berhampiran ladang kibas sebagai tempat tarikan orang ramai yang kini sudah dalam peringkat pembinaan," katanya yang turut mendapat kelulusan bagi mengusahakan ternakan dari Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta berdaftar di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

**ILMU PENJAGAAN KIBAS**

Yacob menambah, dirinya tidak mempunyai sebarang pengalaman menguruskan kibas sebelum ini sebaliknya lebih gemar bertanya dan bertukar-tukar pendapat dengan individu yang sudah lama terlibat dalam bidang ternakan kibas selain turut mengutip ilmu mengenai penjagaan kibas melalui pembacaan dan juga melalui saluran Youtube.

"Sekarang dunia sudah semakin maju dan canggih. Jadi, saya mengambil kesempatan itu untuk meluaskan ilmu pengetahuan mengenai ilmu penjagaan haiwan ternakan terutamanya kibas seterusnya menerapkan kaedah penjagaan secara praktikal.

"Tidak dinafikan kepesatan teknologi juga amat membantu saya yang boleh dikatakan sudah menginjak kepada usia emas ini," katanya.



# Kibas alternatif ibadah korban

HAIWAN ternakan seperti kibas sesuai untuk dijadikan sebagai ternakan korban bagi menggantikan ternakan lembu disebabkan harganya lebih murah.

Pesara kerajaan **Mohammad Zain Rasit**, 61, berkata, seekor lembu harganya boleh mencecah sehingga RM6,000, manakala kibas sekitar RM1,000 hingga RM2,000 bergantung kepada saiz dan baka.

"Saya suka kibas berikutan tekstur dagingnya lembut berbanding kambing. Ia juga kurang berbau.

"Namun terpulang kepada sesiapa untuk mencuba kerana jika dimasak dengan betul ia akan menjadi satu hidangan yang sedap," katanya.

Pandangan sama dilontarkan suri rumah **Rahmah Hussain**, 69.

Katanya kenaikan harga daging lembu sedikit sebanyak mendorong orang Islam beralih kepada haiwan ternakan kibas atau biri-biri untuk dijadikan ternakan korban.

**KIBAS:**

- Beza kibas dengan bebiri yang lain ialah lemak di dalam badannya terkumpul di bahagian ekornya.
- Ia menjadikan ekor kibas kembang dan tebal seperti kelopak bunga.



FARIZA Mutiara Agrofarm dibangunkan sejak 2018.

AUTHOR: No author available SECTION: LETTERS PAGE: 13 PRINTED SIZE: 246.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,428.00 ITEM ID: MY0048809871



06 JUL, 2022

## Cultivating self-sufficiency in food

The Star, Malaysia



# Cultivating self-sufficiency in food

I STRONGLY believe that a special committee should be set up to formulate long-term plans to strengthen our food security. In the event of an emergency, it will be our *periuk nasi* that would be of prime consideration, not our high-tech industries or services.

Perhaps we should revisit Tun Abdul Razak Hussein's (Malaysia's second prime minister) Green Book Programme, which was launched in 1974 and aimed to make Malaysia self-sufficient in food production by encouraging farmers to grow vegetables and rear livestock.

State governments should identify land for farming and aquaculture and encourage people to cultivate them. If everyone does their part, we would achieve a lot in solving our food woes.

Community farming should be actively encouraged, especially as it serves a dual purpose – food cultivation and fostering unity among the participants. A good example of a community farming project is the Bangsar Community Farm (Kebun Kebun Bangsar). Located in Lorong Bukit Pantai, Kuala Lumpur, the 3.5ha farm was opened five years ago as a community project where volunteers grew vegetables, fruits and flowers that were then given to the poor and soup kitchens.

Unfortunately, the farm is facing some challenges now, but we hope these will be surmounted with the help of all concerned.



Malaysia should build its food ecosystem completely along the value chain. It should incorporate research and development (R&D), integrated farming, manufacturing, collaboration of government agencies like the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), logistics and marketing and distribution.

When I was director of MIDA Stockholm, I wrote a report on the food sector in Denmark, a country of slightly more than five million people but produces food five times more than it requires for its population.

Denmark has developed its food network to incorporate R&D from universities and research institutions, integrated farming, manufacturing, development of food cooperatives, food associations, logistics and marketing and distribution. There is a synergistic collaboration between all sectors.

We should emulate the Danish model for our food security. Sadly, I don't think anyone here took any notice of my report.

More people should be encourage to participate in food cultivation through vertical and indoor farming (*pic*). In this respect, Singapore is a good model to emulate. Many Singaporeans are now engaged in vertical and industrial farming in designated buildings.

Malaysia can follow suit, and now is the opportune time for the food sector to seize on the available opportunities. But we also need political will to complement the efforts of the people.

**BENEDICT LOPEZ**
**Kuala Lumpur**

isentia AUTHOR: No author available SECTION: LETTERS PAGE: 13 PRINTED SIZE: 246.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 12,428.00 ITEM ID: MY0048809871



06 JUL, 2022

# Cultivating self-sufficiency in food

The Star, Malaysia



## SUMMARIES

I STRONGLY believe that a special committee should be set up to formulate long-term plans to strengthen our food security. In the event of an emergency, it will be our periuk nasi that would be of prime consideration, not our high-tech industries or service

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/7/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# MALAYSIA PERTIMBANG DAPATKAN SUMBER GANDUM DARI TURKIYE - PM

BERNAMA




ISMAIL Sabri tiba untuk memulakan lawatan rasmi selama empat hari ke Turkiye, pada Selasa. FOT.O Bernama

**Istanbul:** Malaysia berhasrat untuk mempelbagaikan sumber makanan importnya, termasuk kemungkinan membeli tepung gandum dari Turkiye ketika dunia terus mengalami kekangan bekalan, lonjakan harga makanan serta inflasi.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang tiba di sini bagi memulakan lawatan rasmi selama empat hari ke Turkiye, berkata, aspek jaminan keselamatan makanan juga adalah antara komponen utama dalam beberapa siri pertemuan beliau dengan peneraju industri republik itu.

Menurutnya, selain memperkukuh hubungan dua hala dengan Turkiye, beliau akan turut memanfaatkan peluang untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara itu selain mendapatkan sumber makanan seperti tepung gandum.

Pengeluaran gandum tahunan Turkiye mencecah hampir 20 juta tan dan republik itu adalah pengeksport bersih komoditi itu.

"Satu pertiga daripada pengeluaran gandum dunia adalah dari Ukraine dan Russia. Namun, konflik perang antara kedua-dua negara itu selain keputusan India mengurangkan eksport gandum, telah

memberi tekanan hebat ke atas bekalan makanan itu... Bagaimanapun, kerajaan Malaysia terus memberi subsidi bagi mengurangkan beban rakyat," katanya.

Ismail Sabri berkata demikian pada majlis makan tengah hari bersama Keluarga Malaysia yang menetap atau menyambung pengajian di negara itu, termasuk beberapa penuntut yang melakukan perjalanan bas selama 23 jam dari Armenia untuk menemui perdana menteri.

Selepas majlis itu yang dihadiri oleh kira-kira 250 orang, perdana menteri mengadakan pertemuan berasingan dengan wakil daripada sembilan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan firma Turkiye.

Ini termasuk OYAK, Majlis Penyelidikan Saintifik dan Teknologi Turkiye (TUBITAK), Dana Kekayaan Turkiye (TWF), GAMA Enerji A.S (GEAS), Tuyar, EMS MOBIL, FNSS, Istanbul Shipyard dan HAVELSAN.

Pada mesyuarat perniagaan terbabit, Ismail Sabri yang mengunjungi negara itu bagi memenuhi jemputan Presiden Recep Tayyip Erdogan, telah diiringi oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas) Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad.

Sesi itu turut disertai oleh pihak serta syarikat dari Malaysia termasuk Khazanah Nasional Bhd (KNB), Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), Boustead Holdings Bhd, Tenaga Nasional Bhd dan SilTerra.

Menurut pegawai kerajaan Malaysia, antara agenda utama dalam mesyuarat itu menyentuh aspek bekalan makanan yang melibatkan Boustead Holdings dan OYAK, dana persaraan pertama dan terbesar Turkiye.

OYAK mempunyai tiga bidang pelaburan utama iaitu kewangan, ekuiti dan hartanah.

Menerusi pemilikan dalam lebih daripada 310 unit perniagaan dan 110 kilang yang beroperasi di enam benua, OYAK bertapak kukuh dalam sektor-sektor utama termasuk perlombongan dan metalurgi, simen konkrit, kertas, automotif, logistik, kewangan, bahan kimia, makanan, pertanian, tenaga serta perkhidmatan.

Pada 28 Mac lalu, Program Makanan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah memberi amaran bahawa peperangan di Ukraine akan mencetuskan krisis pertanian yang belum pernah berlaku sejak Perang Dunia Kedua.

Ukraine dan Russia menghasilkan 30 peratus daripada bekalan gandum serta 20 peratus jagung di peringkat dunia.

Pada 2020, Malaysia mengimport gandum bernilai RM1.46 bilion dan menjadi pengimport ke-38 terbesar dunia bagi komoditi itu dan bahan makanan itu juga adalah produk ke-109 paling banyak diimport oleh negara itu.

Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia mengimport 80 peratus biji gandum dari Australia manakala selebihnya dari Amerika Syarikat, Kanada dan Ukraine.